

DAP tak kisah dengan poster 'benci' Guan Eng, Ambiga
MalaysiaKini.com
February 4, 2012

DAP menegaskan bahawa poster "membenci" Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng dan pengerusi BERSIH Datuk S Ambiga dan sasterawan negara Datuk A Samad Said, yang ditemui di Taman Tun Dr Ismail (TTDI) pagi ini, hanya akan membuat rakyat lebih membenci mereka yang melakukannya.

anti-ambiga poster free sex in ttdi"Kami maafkan mereka, sesiapa saja yang bertanggungjawab melakukannya. Lebih banyak mereka buat, lebih ramai orang akan membenci mereka (yang melakukannya)," kata ahli parlimen DAP Segambut, Lim Lip Eng.

Lim melalui Twitternya melaporkan bahawa poster tersebut ditampal di seluruh TTDI pagi ini.

Sebuah gambar menunjukkan puluhan poster cetakan berwarna itu ditampal di papan iklan besar di tepi jalan dalam kawasan perumahan di situ.

Satu set menggambarkan Lim dengan kapsyen menggelarnya 'anti-Melayu', dan satu set lagi memaparkan potrait Ambiga yang juga pengerusi BERSIH, serta penyair dan sasterawan negara, Samad Said.

Sehubungan itu, Lim menggesa polis TTDI menyatakan secara terbuka mereka yang bertanggungjawab melakukannya kerana menurutnya, polis boleh dengan mudah mengenalpasti mereka melalui CCTV yang dipasang di TTDI baru-baru ini di bawah program transformasi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/188286>